

13 OCT 2002

Mahathir-Gaya

RAMAI TIDAK KELUAR MENGUNDI SEBAB YAKIN BN MENANG, KATA DR MAHATHIR

DENGKIL, 13 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya keyakinan orang ramai bahawa Barisan Nasional (BN) akan memenangi pilihan raya kecil parlimen Gaya menyebabkan ramai yang tidak keluar mengundi semalam.

"Mereka berpendapat bahawa kalau tidak keluar mengundi pun tidak apa, malahan ada di kalangan mereka tidak berada dalam kawasan itu pun pada hari itu (hari mengundi)," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun beliau berpuashati, walaupun jumlah yang keluar mengundi rendah, tetapi calon BN Liew Teck Chan mendapat kelebihan undi yang banyak.

"Tidak ramai mengundi masa pilihan raya kecil tidak apa. Kita bukan mengundi untuk tukar kerajaan," kata Dr Mahathir yang juga pengerusi BN kepada pemberita selepas majlis penyerahan lima buah tram elektrik Tenaga Nasional Bhd kepada Paya Indah Wetland sempena sambutan ulangtahun pertama taman itu.

Pada pilihan raya kecil semalam, BN mengekalkan kerusi parlimen Gaya dengan kemenangan yang jauh lebih besar apabila mencatat majoriti hampir tiga kali ganda sebanyak 11,923 undi berbanding majoriti 4,117 yang diperolehi pada pilihan raya umum 1999.

Kira-kira 45 peratus sahaja daripada 49,427 pengundi berdaftar menunaikan hak mereka mengundi pada pilihan raya kecil itu.

Ketika ditanya mengenai saranan anggota parlimen Gua Musang Tengku Razaleigh Hamzah supaya beliau memikirkkan semula peletakan jawatannya dan bertanding pada pilihan raya umum akan datang, Dr Mahathir berkata beliau tetap dengan keputusannya.

"Saya dah tetap dah. Saya tak boleh berdolak-dalik. Kalau saya teruskan, suatu hari nanti saya kena berhenti juga. Saya dah lama jadi wakil rakyat," katanya.

Perdana Menteri mengulangi bahawa perjuangan beliau dalam arena politik akan tetap diteruskan walaupun tidak menjadi wakil rakyat di kawasan Kubang Pasu.

Katanya setelah bersara kelak, beliau akan mempunyai lebih banyak masa untuk memberi tumpuan kepada bidang politik berbanding sekarang.

"Saya bersara bukan berhenti dari politik tapi saya akan tolong berkempen untuk BN dan Umno. Masa saya akan jadi lebih lapang daripada sekarang. Sekarang ini tidak ada masa lapang sebab kerja banyak sangat," kata Dr Mahathir.

-- BERNAMA

FA RV RON